

Lembu cacat sebelum Aidiladha

KETIKA ibadat korban baru-baru ini, seekor lembu yang sihat dipilih untuk dikorbankan, namun haiwan itu menjadi sedikit cacat iaitu sehari sebelum 10 Zulhijah. Kaki haiwan itu terseliuh, adakah sah ibadat korban?

Antara syarat sah korban ialah haiwan yang sihat dan tidak cacat. Antaranya tidak tempang yang jelas tempangnya. Ia disebut sebagai *al-'arja*. Namun begitu, lembu ini sudah dibeli dengan harga yang telah dibayar. Lembu telah diserahkan kepada pihak pembeli dalam keadaan yang sihat dan tiada kecacatan. Namun sedikit kecederaan berlaku di mana kaki lembu terseliuh.

Dalam hal ini, adalah sukar untuk mencari lembu ganti. Tidak mungkin pembeli mendapat semula wang kerana kecederaan kaki lembu bukan daripada pihak penjual tetapi

Soal jawab agama

Bersama **DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI**

Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke nidium@yahoo.com

ketika dalam penjagaan pembeli.

Di sini, kecederaan pada kaki lembu bukanlah perkara asal. Ia baru berlaku. Sudah tentu ada keuzuran dalam hal sebegini. Kedua, kecederaan pada kaki lembu tersebut tidaklah suatu kecacatan yang mengurangkan daging lembu. Maka dalam suasana sebegini, saya berpendapat, lembu yang mengalami kecederaan sebegini tidaklah menghalang keabsahannya sebagai haiwan korban. Dinyatakan dalam kitab *al-Iqna*:

“Maka jikalau capiknya adalah sedikit sekira-kira haiwan itu tidak lambat dengan sebab

capiknya daripada kumpulan haiwan maka capik itu tidak mudarat”.

Namun begitu, jika ada pendapat menyatakan bahawa haiwan sebegini tidak sah sebagai haiwan korban, maka para jemaah yang melakukan ibadat korban perlu mencari lembu ganti dengan kos duit yang baharu. Jika tidak selesai juga, maka persoalan ini boleh diajukan kepada pihak Jabatan Mufti Negeri untuk penyelesaian lebih tuntas.

